Oleh itu, manfaat yang dikatakan diraih oleh komuniti tidak dibuktikan secara bertulis. Semasa kita bercakap mengenai nilai seni, ia selalu bermula dengan aspek intrinsik. Bagaimana seni dapat menerangi kehidupan batin kita, bagaimana seni dapat menyumbang kepada kesejahteraan dan keterlibatan dengan masyarakat? Apa nilai bersama yang kita hargai secara kolektif? Kini, banyak institusi menggunakan slogan seperti 'seni komuniti', '*giving back to the community*', (CSR), dan lain-lain untuk memulakan penglibatan orang ramai. Mereka mempunyai objektif untuk dilihat dan memenuhi keperluan sosial tertentu. Namun, terdapat banyak persoalan dari segi bagaimana slogan ini boleh diterjemahkan ke dalam projek yang sebenar dan apakah kaedah yang sesuai untuk memberi sumbangan kepada masyarakat? Siapa yang benar-benar mendapat keuntungan daripada projek-projek tersebut? Kita perlu meneroka apakah kaedah yang dapat dipraktikkan, dan apakah bentuk seni yang akan dicipta dalam menyumbang kepada kesejahteraan sosial masyarakat yang disasarkan.

## **1.4    Penyataan Masalah**

Projek seni yang melibatkan komuniti telah banyak dilaksanakan oleh pelbagai pihak samada di dalam mahupun di luar Malaysia. Namun, penilaian ke atas manfaat yang diraih oleh komuniti amat jarang dilaksanakan. Sepertimana yang dijelaskan oleh Kay (2000) bahawa penilaian formal dan refleksi terhadap projek seni komuniti amat jarang dilakukan. Perkara ini telah memperlihatkan kelompangan terhadap epistemologi penglibatan komuniti melalui aktiviti seni. Ekoran daripada perkara ini, setiap projek seni yang telah dijalankan seolah-olah sebuah projek ‘touch and go’ atau ‘hit and run’ yang tidak memperjelaskan manfaat yang diraih oleh komuniti. Disamping itu juga, tinjauan awal terhadap kajian lepas telah menunjukkan bahawa kaedah yang digunakan untuk menghubungkan Masyarakat dengan seni sering diartikulasikan dengan sangat lemah (Dunphy, 2013). Justeru itu, dalam konteks kajian ini, penerokaan teori penciptaan seni bersama menerusi amalan seni visual dengan keterlibatan komuniti dilakukan untuk menilai kualiti kesejahteraan sosial.

## **1.5    Persoalan Kajian**

Kajian ini akan menjawab dan menghuraikan persoalan-persoalan seperti berikut:

- i.       Apakah penciptaan seni bersama dalam penglibatan komuniti untuk meningkatkan kualiti kesejahteraan sosial?

- ii. Apakah proses dan kaedah penciptaan seni bersama dalam penglibatan komuniti untuk meningkatkan kualiti kesejahteraan sosial?
- iii. Apakah wujud perbezaan kesan penciptaan seni bersama terhadap kualiti kesejahteraan sosial di antara peserta projek penciptaan seni bersama dan bukan peserta?
- iv. Bagaimana penciptaan seni bersama dapat menyumbang kepada penglibatan komuniti dan meningkatkan kualiti kesejahteraan sosial?

## **1.6 Objektif Kajian**

Persoalan-persoalan kajian yang telah dijawab akan memastikan objek-objektif seperti berikut tercapai:

- i. Untuk mengenalpasti definisi penciptaan seni bersama dalam penglibatan komuniti untuk meningkatkan kualiti kesejahteraan sosial.
- ii. Untuk menganalisa proses dan kaedah penciptaan seni bersama dalam penglibatan komuniti untuk meningkatkan kualiti kesejahteraan sosial.
- iii. Untuk membandingkan kesan penciptaan seni bersama terhadap kualiti kesejahteraan sosial di antara peserta projek penciptaan seni bersama dan bukan peserta.
- iv. Untuk mengesyorkan modul penciptaan seni bersama sebagai cara untuk penglibatan komuniti dan meningkatkan kualiti kesejahteraan sosial.

Di bawah adalah jadual yang menerangkan permasalahan, persoalan dan objektif kajian secara ringkas:

**Jadual 1.1** Ringkasan Permasalahan, Persoalan dan Objektif Kajian

<b>Permasalahan Kajian</b>	<b>Persoalan Kajian</b>	<b>Objektif Kajian</b>
Kaedah yang menghubungkan masyarakat dan seni sering diartikulasikan dengan sangat lemah	Apakah penciptaan seni bersama dalam penglibatan komuniti untuk meningkatkan kualiti kesejahteraan sosial?	Mengenalpasti definisi penciptaan seni bersama dalam penglibatan komuniti untuk meningkatkan kualiti kesejahteraan sosial
Proses dan kaedah dalam keterlibatan komuniti melalui seni masih lagi samar	Apakah proses dan kaedah penciptaan seni bersama dalam penglibatan komuniti untuk meningkatkan kualiti kesejahteraan sosial?	Menganalisa proses dan kaedah penciptaan seni bersama dalam penglibatan komuniti untuk meningkatkan kualiti kesejahteraan sosial
Perbandingan data kualiti kesejahteraan sosial peserta projek dan bukan peserta (pembuktian aktiviti seni mampu meningkatkan kualiti kesejahteraan (H1: hipotesis alternatif)	Apakah wujud perbezaan kesan penciptaan seni bersama terhadap kualiti kesejahteraan sosial di antara peserta projek penciptaan seni bersama dan bukan peserta?	Membandingkan kaedah penciptaan seni bersama terhadap kualiti kesejahteraan sosial di antara peserta projek penciptaan seni bersama dan bukan peserta
Kaedah pelaksanaan projek seni komuni masih lagi samar dan manfaat yang diraih oleh komuniti tidak dibuktikan secara terperinci	Bagaimana penciptaan seni bersama dapat menyumbang kepada penglibatan komuniti dan kesejahteraan sosial?	Mengesyorkan modul penciptaan seni bersama sebagai cara untuk penglibatan komuniti dan meningkatkan kesejahteraan sosial

Keempat-empat persoalan kajian pada Jadual 1.1 di atas terhasil berdasarkan permasalahan kajian dan akhirnya persoalan tersebut membentuk objek kajian yang harus dicapai.

## 1.7 Skop Kajian

Projek-projek seni komuniti yang dijalankan oleh pelbagai pihak sebelum ini tidak memberikan penilaian keberkesanan program secara khusus. Ini termasuk juga penentuan skop sasaran peserta dan faktor yang mempengaruhinya. Justeru, dalam menilai kualiti kesejahteraan sosial melalui penciptaan seni bersama, peserta sasaran dan alasannya perlu diperjelaskan. Dalam kajian ini, skop peserta sasaran difokuskan kepada golongan belia yang berumur dari 15 – 30 tahun. Golongan remaja dipilih berdasarkan kecenderungan mereka untuk menghadapi tekanan perasaan, bunuh diri, depresi, *bipolar disorder* dan lain-lain. Menurut WHO: *World Health Organisation* 2019 bahawa bunuh diri adalah penyebab kedua tertinggi kematian remaja pada lingkungan umur 15-30 tahun selepas kemalangan jalanraya. Di Malaysia pula, risiko membunuh diri dalam kalangan pelajar sekolah semakin membimbangkan apabila remaja seawal usia 13 tahun mempunyai kecenderungan untuk berbuat demikian, (Abd Rahim & Alias, 2018).

Khalik (2019) menerangkan kewujudan kes bunuh diri di Kuching, Sarawak ekoran tekanan perasaan dan galakkan rakan sekeliling. Perkara ini memberi satu indikasi membimbangkan pada masyarakat kita. Pada masa yang sama, lokasi di Kuching, Sarawak dipilih berdasarkan tahap kesejahteraan keluarga yang sederhana. Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Kesejahteraan Komuniti Datuk Seri Fatimah Abdullah (2022), pada tahun 2019 Sarawak mencatat kesejahteraan keluarga pada tahap sederhana dengan skor 7.78 daripada skor maksimum 10. Antara domain-domain tersebut adalah seperti Hubungan Kekeluargaan (8.44), Ekonomi Keluarga (7.90), Kesihatan Keluarga (7.41), Keselamatan Keluarga (7.98), Keluarga dan Keterlibatan Komuniti

(8.09), Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian (8.15), Perumahan dan Persekitaran (6.98), dan Keluarga dan Teknologi Komunikasi (7.34). Justeru itu, atas faktor kebolehcapaian dan juga tahap kesejahteraan yang masih sederhana di Sarawak, lokasi yang dipilih untuk kajian ini memberi fokus kepada bandaraya seperti Kuching, Sarawak.

Kajian rintis dilakukan ke atas tiga buah lokasi iaitu Kampung Pulo Hilir, Kuching Sarawak, Kampung Muhibbah, Kuching Sarawak dan Kampung Bako, Kuching Sarawak. Walau bagaimanapun, Kampung Bako, Kuching dan Kpg Muhibbah, Kuching, Sarawak dipilih untuk pelaksanaan projek penciptaan seni bersama sebenar atas ketersediaan komuniti dan kerjasama yang erat oleh penduduk. Pemilihan lokasi juga dipengaruhi oleh *Standard Operation Procedure* (SOP) ekoran penularan wabak COVID-19. Aktiviti-aktiviti seni yang dijalankan harus mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

**Jadual 1.2** Ringkasan Skop Kajian

Peserta Sasaran	Lokasi
Belia berumur lingkungan 15 – 30 tahun (Pengkategorian dari <i>WHO</i> )	Kampung Bako, Kuching Sarawak & Kpg Muhibbah, Kuching Sarawak
<b>Projek Penciptaan Seni Bersama</b>	
Projek Bin 2.0 & Projek Ko-kreasi Bako 2.0	
<b>Jenis-jenis Displin Seni</b>	
Arca, Catan & Fotografi	

<b>Model Penciptaan Seni Bersama</b>
Model Nilai Penciptaan Bersama oleh Gabrun & Kijima (2009)
<b>Model Penilaian Kesejahteraan</b>
<i>Model Flourish: PERMA</i> oleh Seligman (2011)


Secara keseluruhannya, kajian ini memberi penekanan kepada penciptaan seni bersama dalam keterlibatan komuniti (belia berumur dari 15 – 30 tahun) melalui penggunaan disiplin seni yang terpilih untuk menilai kualiti kesejahteraan sosial mereka.

## **1.8 Kerangka Konseptual Kajian**

Keseluruhan kajian ini dibahagikan kepada dua fasa iaitu pertama; kajian literatur, perbincangan kumpulan fokus, pemerhatian bukan peserta, kajian rintis dan yang kedua; pelaksanaan projek penciptaan seni bersama yang sebenar untuk menilai kualiti kesejahteraan peserta dan bukan peserta. Perbincangan kumpulan fokus dijalankan untuk memahami definisi kaedah penciptaan seni bersama serta mendalami proses dan kaedah penciptaan seni bersama secara teoretikal. Perbincangan itu juga secara mendalam memahami definisi kaedah penciptaan seni bersama dalam konteks makna, kepentingan, projek-projek lepas yang telah dijalankan oleh pakar, aktiviti-aktiviti seni yang pernah dijalankan dan hubungkait diantara kaedah penciptaan seni bersama, seni dan kesejahteraan. Manakala, pemerhatian bukan peserta dijalankan secara pasif ke atas sebuah projek seni komuniti bagi mendapatkan gambaran tentang proses dan kaedah penciptaan seni bersama serta mengetahui kelemahan yang boleh diperbaiki.

Fasa pertama juga, tiga kajian rintis dijalankan menjurus kepada pelaksanaan dua langkah dalam kerangka teori nilai penciptaan bersama yang digunakan. Dua langkah awal dalam kerangka teori itu adalah pengalaman bersama - *co-experience* dan penentuan bersama - *co-definition*. Langkah-langkah tersebut memberi fokus kepada lawatan, aktiviti suai kenal, perbincangan, percambahan idea, potensi dan permasalahan yang dihadapi oleh komuniti tersebut. Hasil daripada fasa pertama dikumpul serta dianalisa untuk pembangunan soalan soal selidik yang dijalankan pada fasa kedua.

Fasa kedua, pembangunan soalan soal selidik yang diadaptasikan dari *Model Flourish: PERMA* oleh Seligman (2011) dan *PERMA profiler* oleh Buttler dan Kern (2016) dilakukan dengan mengambil kira tema dan pemboleh ubah yang diperolehi dari fasa pertama yang dijadikan sebagai komponen penilaian. Lanjutan daripada itu, projek penilaian kesejahteraan di fasa kedua dilakukan bagi menilai tahap kualiti kesejahteraan peserta. Projek penilaian kesejahteraan dilakukan terhadap salah satu daripada tiga projek kajian rintis yang telah dilakukan di fasa dua. Di bawah adalah penjelasan secara ringkas terhadap kerangka konseptual kajian.



**Figura 1.1** Ringkasan Kerangka Konseptual

## 1.9 Adaptasi Kerangka Teori dan Paradigma Kajian

Projek penciptaan seni bersama (projek seni komuniti) dalam kajian ini dijalankan dengan mengadaptasi model nilai penciptaan bersama oleh Galbrun & Kijima (2009) yang mempunyai empat fasa iaitu *co-experience*, *co-definition*, *co-elevation* dan *co-development*. Model ini digunakan sebagai panduan dalam merangka kerangka teori untuk melaksanakan projek penciptaan seni bersama. Penilaian kepada kualiti kesejahteraan sosial pula dijalankan dengan menggunakan model *The Flourish: PERMA* oleh Seligman (2011) dan tiga komponen dari model keterlibatan komuniti MAO oleh Wiggin (2004) iaitu nilai, kesetiaan dan advokasi. Tiga komponen daripada Wiggin (2004) ini dilihat bagi

menentukan fasa 4: *co-development* oleh Galbrun & Kijima (2004). Kerangka teori yang diusulkan dalam kajian ini merupakan adaptasi daripada kesemua teori-teori di atas.

Walau bagaimanapun, keseluruhan kajian masih lagi berlandaskan paradigma pendidikan yang diadaptasi dari Baker et al. (2019). Perkara ini mengambil kira bahawa kebanyakan projek seni komuniti akan menitikberatkan pembelajaran sepanjang hayat terhadap peserta. Antara manfaat yang boleh diraih oleh peserta adalah ilmu pengetahuan yang dikongsi bersama fasilitator (penyedia program) dan begitu juga sebaliknya. Justeru itu, kajian ini masih lagi berpandukan paradigma pendidikan dalam pelaksanaannya. Projek yang dijalankan menekankan aktiviti yang berunsurkan pembelajaran sepanjang hayat, permindahan ilmu pengetahuan dan pengenalan terhadap disiplin seni.



**Figura 1.2** Ringkasan Kerangka Teori

Merujuk kepada paradigma pendidikan oleh Baker et al. (2019), terdapat enam komponen utama seperti tingkah laku, kognitif, konstruktivisme, humanisme, transformatif dan konstruktivisme sosial. Walau bagaimanapun, kajian ini memilih tiga daripada enam komponen utama paradigma pendidikan ini iaitu humanisme, transformatif dan konstruktivisme sosial. Tiga komponen ini dipilih berdasarkan hubungkait dan persamaannya dengan kaedah penciptaan seni bersama. Pemilihan ini hasil daripada proses silang semak (cross check) yang dilakukan terhadap paradigma pendidikan dan juga definisi dan proses kaedah penciptaan seni bersama. Figura 1.2 menerangkan perkaitan dan hubungkait tiga komponen ini dengan kaedah penciptaan seni bersama. Komponen konstruktivisme sosial mempunyai objektif yang membawa kepada ko-kreasi pengetahuan yang menekankan aspek interaksi sosial (PERMA: *Engagement*) sepertimana yang dianjurkan oleh kaedah penciptaan bersama/ko-kreasi. Komponen humanisme pula berkaitan dengan pengembangan potensi diri (PERMA: *Meaning* dan *Accomplishment*) yang boleh dicungkil melalui projek kaedah penciptaan bersama. Refleksi sendiri juga boleh dilakukan dalam projek penciptaan bersama.

Akhirnya, komponen transformatif (PERMA: *Positive Emotion* dan *Accomplishment*) dipilih berdasarkan objektifnya yang cenderung kepada memberikan inspirasi kepada seseorang atau perkumpulan untuk menjadi ejen yang akan memperbaiki struktur komuniti atau masyarakat. Perkara ini sejajar dengan tujuan utama kajian ini untuk melihat kesan kualiti kesejahteraan dalam komuniti melalui kaedah penciptaan seni bersama.

**Jadual 1.3** Adaptasi Tiga Komponen Utama Paradigma Pendidikan oleh Baker et al. (2019)

Adaptasi 3 Komponen Utama Paradigma Pendidikan oleh Baker et al. (2019)					
Komponen	Objektif	Hasil Projek/ Pembelajaran	Prinsip Utama	Contoh Amalan dalam bidang medikal/kesihatan	Tokoh
<b>Konstruktivisme Sosial (Sosio-budaya)</b>	Untuk seseorang membentuk identiti dan <b>ko-kreasi pengetahuan</b>	<b>Ko-kreasi pengetahuan</b> dan norma melalui <b>interaksi sosial</b>	Menekankan hubungan sesama manusia. Contohnya, pembelajaran melalui penyertaan/partisipasi (aktiviti) dalam konteks sosial (komuniti)	Pembelajaran berasaskan tempat kerja, perantisan kognitif (cognitive apprenticeship), <b>amalan komuniti</b> .	Lave & Wenger (1991). <i>Situated learning: Legitimate peripheral participation</i> ; Brown & Duguid (1991) <i>Stolen Knowledge</i>
<b>Humanisme</b>	Untuk seseorang mengembangkan potensi diri yang sebenar	Perkembangan sendiri	i. Menekankan aspek kebebasan manusia, martabat dan potensi. ii. Penekanan kepada aspek kognitif dan efektif dalam kurikulum	<b>Refleksi Kendiri</b> , Penilaian berdasarkan portfolio, pembelajaran sendiri	Rogers; Maslow
<b>Transformatif</b>	Untuk memberi <b>inspirasi kepada seseorang untuk menjadi ejen</b> yang akan memperbaiki struktur komuniti/masyarakat	Mengubah cara lihat/pandang (transformasi)	Menekankan kesaksamaan dan keadilan sosial, seseorang adalah ejen perubahan	<b>Refleksi kritikal /</b> reflektiviti; dialog; cerita / narrative	Freire; Kincheloe

### 1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan seperti:

- i. Meningkatkan pemahaman terhadap definisi dan makna kaedah penciptaan seni bersama
- ii. Meningkatkan pemahaman terhadap proses dan kaedah penciptaan seni bersama dalam melaksanakan projek seni dengan keterlibatan komuniti
- iii. Penggunaan kaedah penciptaan seni bersama sebagai panduan dan pendekatan dalam aspek kolaborasi aras tinggi
- iv. Penghayatan yang lebih tinggi terhadap kepentingan seni komuniti oleh

- seniman/pengamal seni
- v. Dokumentasi dan rekod terhadap kerja seni komuniti dan penilaian ke atas kesejahteraan komuniti
  - vi. Komuniti atau orang ramai boleh dilibatkan dalam proses penghasilan karya seni secara komprehensif
  - vii. Seniman/pengamal seni/institusi boleh menilai projek seni komuniti mereka berpandukan model penilaian yang akan disyorkan

### **1.11 Struktur Tesis**

Kajian ini dipersembahkan dalam enam bab. Strukturnya adalah seperti berikut:

Bab 1 membincangkan latar belakang kajian, latar belakang permasalahan, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, penerangan secara mendalam tentang kerangka konsep kajian dan kerangka teori kajian dan kepentingan kajian.

Bab 2 menggambarkan latar belakang kajian berkenaan definisi dan makna kaedah penciptaan seni bersama, proses dan kaedah penciptaan seni bersama, hubungkait seni visual dan kaedah penciptaan seni bersama, keterlibatan komuniti, kesejahteraan dan penilaiannya.

Bab 3 menerangkan tentang metodologi kajian yang mengandungi strategi reka bentuk kajian, ringkasan struktur penyelidikan mengikut fasa, peserta sasaran dan justifikasi. Penerangan tentang populasi dan sample kajian, lokasi dan instrumen kajian. Perbincangan tentang kaedah dan teknik pengumpulan serta pengelolaan data, pembinaan

item soalan soal selidik, teknik penganalisan data, pemarkahan/scoring data skala *Likert* dan kesahan instrumen.

Bab 4 menghuraikan pengumpulan data yang terbahagi kepada dua fasa: pertama dan kedua. Fasa pertama, pengumpulan data melalui kajian rintis dan pemerhatian bukan diperjelaskan. Pengumpulan data dari kajian rintis membabitkan dua langkah dari Model Nilai Penciptaan Bersama oleh Galbrun & Kijima (2009) iaitu pengalaman bersama (*co-experience*) dan penentuan/pendefinisian bersama (*co-definition*). Selain itu, kronologi pengumpulan data soal selidik juga diterangkan serta penilaian PERMA.

Bab 5 secara sepesifiknya menghuraikan data analisis yang telah diperolehi daripada penganalisan data dari kumpulan fokus, kajian rintis, pemerhatian bukan peserta dan soal selidik. Analisis data terhadap kumpulan fokus terdiri daripada perbincangan tentang definisi kaedah penciptaan seni bersama dari konteks makna, kepentingan dan merumuskannya. Perbincangan kumpulan fokus juga telah menyentuh mengenai proses dan kaedah penciptaan seni bersama dalam konteks bagaimana ianya dimulakan, jenis-jenis aktiviti seni yang boleh diaplikasikan, penilaian projek, kelestarian projek serta cadangan dan penambahbaikan yang boleh diusahakan.

Bab 6 adalah bab terakhir dalam tesis ini yang menerangkan rumusan, sumbangan, cadangan serta refleksi akhir berkaitan keseluruhan kajian ini. Rumusan tersebut merangkumi tinjauan semula ke atas permasalahan kajian, persoalan dan objektif kajian. Teori, definisi dan proses serta kaedah penciptaan seni bersama juga dilihat semula. Sumbangan keseluruhan kajian ini terhadap kancah seni visual, kurator, seniman, pengamal seni, penyelidik dan komuniti juga turut dijelaskan. Dalam konteks cadangan, kerangka teori, model, paradigman kajian, modul kaedah penciptaan seni bersama dan

penilaian disyorkan. Akhir sekali, catatan peribadi penyelidik ke atas keseluruhan kajian dalam bentuk refleksi akhir menjadi penutup bab enam ini.

### **1.12 Rumusan Bab**

Secara kesimpulannya, bab ini adalah sebuah mukadimah yang penting untuk memperjelaskan latar belakang kajian, latar belakang permasalahan dan pernyataan masalah agar ianya menjadi sebuah kajian yang relevan dan sah untuk dilakukan. Sejurus itu, persoalan kajian dibina dan dihuraikan agar ianya dapat menjawab objektif kajian yang telah disediakan. Skop kajian juga dihuraikan supaya kajian ini tidak terseleweng dari matlamat asal. Kerangka konseptual dan kerangka teori serta paradigman kajian dirangka untuk dijadikan panduan dalam pelaksanaan kajian ini.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pendahuluan

Nilai sesebuah seni dan budaya pada komuniti atau masyarakat tidak begitu benar-benar dibicarakan di Malaysia. Kita sedar bahawa seni dan budaya memainkan peranan yang penting dalam menawarkan perubahan sosial dan kesejahteraan sejagat melalui seni. Seni penyertaan (*participatory art*) adalah salah satu kaedah dalam melaksanakan projek-projek seni bersama komuniti. Projek-projek seni penyertaan bersama komuniti ini dipercayai mampu menyumbang kepada pembangunan bakat dan inovasi, menambahbaik kesejahteraan dan mengurangkan tekanan (*anxiety reduction*) serta mengecapi kebahagiaan sekiranya kaedah dan perlaksanaannya diperbaharui. Penglibatan komuniti seakan sekadar pelengkap kepada karya akhir seniman di galeri. Lantaran itu, manfaat yang diraih oleh masyarakat atau komuniti ini masih lagi dalam persoalan dan fakta-fakta terhadap manfaat tersebut tidak dibuktikan dan penilaiannya masih samar walaupun sebenarnya ia boleh dijayakan. Banyak projek-projek seni penyertaan dan keterlibatan komuniti telah dijalankan tetapi analisa dan aspek penilaian keberkesanan projek sebegini masih kurang dijelaskan secara terperinci mahupun dikaji. Justeru itu, wujud persoalan tentang manfaat yang diraih oleh komuniti. Adakah benar mereka mendapatkan manfaat tersebut?

Pembangunan seni visual di Malaysia semakin memberansangkan dengan kewujudan pelbagai pameran, karya seni, projek seni komuniti dan penciptaan baharu. Pameran seni

terus berjalan walaupun wabak COVID-19 melanda dunia termasuk juga sektor seni. Seniman mula mendekati *internet* dan menggunakannya sebaik mungkin untuk berkomunikasi, berkolaborasi dan menghasilkan karya seni. Sesetengah projek yang dijalankan memberi penekanan terhadap seni penyertaan bersama komuniti. Kita telah selalu mendengar projek-projek seni yang melibatkan komuniti yang telah dijalankan oleh pelbagai institusi seni, organisasi dan individu. Institusi dan organisasi tertentu menawarkan projek seni komuniti kerana mereka percaya bahawa ianya boleh menyumbang kepada perubahan positif kepada komuniti setempat serta kunci pencapaian (KPi) untuk mereka.

Persepsi dan kepercayaan ini sebagai satu kaedah perubahan sosial mula meningkat dan telah dikongsikan oleh institusi, organisasi dan individu seniman di negara ini. Walau bagaimanapun, teori, kaedah, penilaian dan keputusan projek tidak dijelaskan secara terperinci samada melalui dokumentasi lisan mahupun bertulis untuk rujukan masa akan datang terutamanya dalam konteks penglibatan bersama komuniti dan pembangunan. Bagi mengatasi kekurangan ini, teori dan kaedah penciptaan seni bersama (*co-creation art*) perlu dianalisa, juga hubungkaitnya antara seni dan penciptaan seni bersama, kebaikan dan faedah kepada komuniti daripada projek penciptaan seni bersama, tentang bagaimana penciptaan seni bersama boleh menyumbang kepada penglibatan komuniti serta meningkatkan kualiti kesejahteraan.

Di seksyen pertama bab ini, definisi dan pengertian penciptaan seni bersama (*co-creation art*) akan dibincangkan. Hubungkait antara seni visual dan penciptaan bersama dihuraikan serta penjelasan beberapa kaedah yang sama dengan penciptaan bersama. Seni dan perubahan sosial serta perkembangan konsep kolaborasi dalam kancah seni visual di

Malaysia juga diperjelaskan bagi membina kronologi awal pelaksanaan kolaborasi, usaha kolektif dan visi bersama.

Di seksyen kedua pula, perbincangan mengenai konsep penciptaan bersama (the notion of co-creation) secara terperinci sebagai pendahuluan, perbicaraan mengenai nilai penciptaan bersama (the value of co-creation) dan diteruskan dengan definisi, elemen dan proses penglibatan komuniti (community engagement).

Kedua, projek-projek yang menggunakan pendekatan seni penyertaan penciptaan bersama dalam dan luar negara akan dibincangkan. Ketiga, nilai penciptaan bersama (the value of co-creation), teori perubahan dalam seni visual dan penggunaan kaedah seni penyertaan penciptaan bersama dihuraikan dalam kajian literatur ini untuk memberi kefahaman tentang bagaimana kaedah ini diterima dan untuk penglibatan komuniti. Seksyen kedua dalam bab ini akan memberi satu pandangan tentang teori penglibatan komuniti (theories on community engagement) dan proses kolaborasi melalui kehendak tertentu, isu yang memberi kesan kepada kesejahteraan, dan pemindahan pengetahuan. Terakhir di dalam bab ini, perbincangan tentang kaedah penilaian hasil (outcome) daripada projek seni penglibatan penciptaan bersama terhadap keterlibatan komuniti (community engagement) untuk meningkatkan kualiti kesejahteraan.

## **2.2 Apakah Penciptaan Seni Bersama (Co-creation Art)?**

Penciptaan bersama merupakan konsep yang diformulasikan dibidang pemasaran dan kajian pelanggan. Ianya memberi penekanan terhadap kepuasan pelanggan dan penjenamaan. Menurut Nonaka dan Hirotaka (1995) bahawa seseorang sentiasa akan

berhubung melalui interaksi sosial dan sesebuah organisasi percaya yang komuniti atau pelanggan adalah sebahagian daripada penghasilan makna penjenamaan (brand's meaning). Proses interaksi diantara organisasi dan pemegang taruh akan mencipta makna. Begitu juga apa yang dijelaskan oleh Galvagno dan Dalli (2014) bahawa konsep penciptaan bersama ini dibangunkan sebagai sebuah paradigma baharu dalam pengurusan literatur yang membenarkan syarikat dan pelanggan bersama menghasilkan nilai melalui interaksi. Terma penciptaan bersama (co-creation) telah digunakan secara meluas untuk menggambarkan satu anjakan pemikiran daripada asalanya sesebuah organisasi yang menentukan nilai kepada proses penyertaan (co-create) di mana orang ramai dan organisasi bersama menjana dan membangunkan makna (Ind dan Coates, 2013). Juga, terdapat kesepakatan di kalangan penyelidik bahawa penciptaan bersama adalah proses di mana tahap penyertaan dan kolaborasi yang sangat tinggi diantara syarikat dan pelanggan untuk melakukan inovasi dan perkhidmatan baharu (Osborne, et al., (2016) & Ma et al., (2019).

Justeru itu, dalam bidang perniagaan, penciptaan bersama bertujuan untuk mendapatkan pandangan, produk baharu dan pembangunan perkhidmatan. Di sini, jelas bahawa penciptaan bersama dalam bidang ini adalah tonggak penting untuk ekonomi kapitalis. Lantas, bagaimana ianya boleh kita kaitkan dengan bidang seni? Seniman juga di dalam seni penyertaan telah melibatkan penonton di kalangan komuniti bukan seni dalam penghasilan karya ataupun sebahagian dari karya seni. Begitu juga kaedah keterlibatan sosial seni (socially engaged art) yang sering digunakan oleh pengamal seni untuk berkolaborasi bersama komuniti.

Proses yang mempunyai persamaan dengan kaedah penciptaan bersama. Namun, kaedah penciptaan bersama bukan asli berasal dari bidang seni. Walau bagaimanapun,

ianya memberi satu indikasi bahawa konsep penciptaan bersama boleh dibangunkan dalam bidang seni. Konsep penciptaan bersama boleh sahaja dibangunkan dalam apa jua bidang yang mana selagi ianya melibatkan komuniti, pelanggan, pemegang taruh dan penonton. Selagi ianya berkait soal interaksi, kolaborasi dan penjanaan makna. Bahkan, De Koning, Crul & Weber (2016) menyatakan bahawa penciptaan bersama adalah terma yang telah memasuki kosa kata harian bidang rekabentuk dan pemasaran. Manakala, bidang-bidang lain sudah mulai menggunakannya dengan cara yang berbeza. Terma dan kaedah yang masih baharu tetapi matang telah menarik minat ramai untuk memahami struktur penciptaan bersama melalui model ataupun kerangka kerja.

### **2.2.1 Hubungkait antara Seni Visual dan Penciptaan Seni Bersama**

Kita tertanya-tanya tentang bagaimana penciptaan bersama boleh dikaitkan dengan seni. Seperti yang dinyatakan oleh Matarasso (2017) bahawa terma penciptaan bersama telah muncul dalam perdebatan seni penyertaan baru-baru ini. Beliau tidak dapat memberikan penerangan secara terperinci tentang gambarannya. Seni penyertaan adalah praktis seni yang melibatkan penyertaan orang lain bersama seniman dalam proses kreatif. Jika definisi seni penyertaan membenarkan orang lain menjadi 'seniman' bersama atau penulis bersama, maka adil untuk kita panggil ianya juga sebagai penciptaan bersama. Beliau menambah lagi bahawa persoalannya adalah apakah sifat dan tahap kreativiti yang boleh diberikan oleh pihak lain yang dijemput untuk proses penciptaan bersama. Walaupun, terma penciptaan bersama tidak datang dari bidang seni tetapi ada potensi untuk diperkembangkan sebagai anjakan dalam perubahan seni. Perbezaan antara seni penyertaan

dan penciptaan bersama adalah ‘seni penyertaan kebiasaanya menawarkan orang awam (public) peluang untuk terlibat apabila sesuatu karya seni telah pun wujud, sekurang-kurangnya dalam perancangan oleh seniman dan/atau institusi seni (Matarasso, 2017).

Galvagno dan Dalli (2014) pula menyatakan bahawa penciptaan bersama adalah tindakan turut serta, kolaborasi, serentak (concurrent), seperti proses rakan (peer) untuk menghasilkan nilai baru, kedua-duanya secara material dan simbolik. Kalau kita dapat memberi interpretasi melalui akal seni, ianya adalah proses penghasilan karya seni secara kolektif dari awal perkembangan idea sehingga kepada karya akhir. Begitu juga kaedah keterlibatan sosial seni (socially engaged art: SEA) yang sering digunakan oleh pengamal seni dalam keterlibatan komuniti. Pillai (2015) dalam projek SEA beliau memberi definisi bahawa ianya sebuah kaedah yang menekankan penyelesaian masalah, perancangan komuniti dan mereka ruang awam untuk memperkuatkan komuniti. Walau bagaimanapun, kaedah ini tidak memberikan ruang dan peluang kepada komuniti untuk menjadi sebahagian daripada pereka atau pencipta terhadap suatu karya seni itu. Akan tetapi, objektifnya adalah untuk pemerksaan komuniti yang mana komuniti tidak memainkan peranan yang sama penting seperti seniman.

Kaedah Art-Led Participative Processes (ALPP) juga mempunyai persamaannya dengan penciptaan bersama. Jay Koh (2016) menyatakan dalam kaedah ALPP, pertemuan dan interaksi berkembang melalui pelbagai peringkat sosial. Daripada orang yang kita tidak kenal, kenalan, rakan, peserta bersama dan mungkin rakan usaha sama berinteraksi dan meneroka persamaan. ALPP juga memberi penekanan kepada interaksi namun peserta bersama atau rakan usaha sama hanya sebahagian daripada proses pelaksanaan yang berkemungkinan tercetus. Justeru, kaedah yang paling hampir kepada penciptaan bersama